Gambaran Ringkas

Negeri New York Undang-undang Pelesenan Pemandu Graduan (GDL)



Panduan Ibu Bapa

Negeri New York

semua daerah kecuali Bandar Raya New York (New York City) dan Long Island

NOTA: Panduan ini memberikan gambaran ringkas tentang GDL. Untuk maklumat terperinci, ibu bapa hendaklah melawat laman web DMV di DMV.ny.gov.

Sebelum anak remaja anda mula memandu, terdapat beberapa perkara yang anda dan anak anda perlu tahu.

Berita buruk: Disebabkan tiada pengalaman, remaja lebih berkemungkinan terlibat dalam kemalangan.

Pemandu yang lebih muda terlibat dalam lebih banyak kemalangan berbanding kumpulan umur yang lain. Kemalangan yang melibatkan remaja juga biasanya lebih serius. Tahun pertama memandu tanpa penyeliaan adalah paling berbahaya kerana kurang pengalaman.

Berita baik: Undang-undang Pelesenan Pemandu Graduan Menyelamatkan Nyawa.

Kemalangan boleh dielakkan. Undang-undang Pelesenan Pemandu Graduan (GDL) Negeri New York (NYS) direka untuk mencegah kemalangan melibatkan remaja dengan membantu remaja membina kemahiran dan memperoleh pengalaman memandu secara beransur-ansur dan selamat. Perlukan bukti?

> **Undang-undang GDL NYS bertanggungjawab terhadap 80% penurunan kes kemalangan melibatkan pemandu berumur 16 dan 17 tahun. Terdapat asas tertentu bagi setiap batasan dalam undang-undang (had bilangan penumpang, batasan masa, dsb.)**
>
> **Kajian menunjukkan bahawa strategi ini berhasil.**

Apa yang boleh anda lakukan untuk memastikan pemandu remaja anda memandu dengan selamat?

Apabila pemandu remaja anda memandu, anda bukan sekadar penumpang. Anda merupakan pengaruh #1 pemandu remaja anda. Gunakan panduan ini untuk membiasakan diri dengan undang-undang supaya anda boleh membantu pemandu muda anda mempelajari selok-belok jalan raya serta proses untuk mendapatkan lesen tidak terbatas!



Panduan ini menerangkan batasan GDL bagi pemegang permit junior dan lesen junior yang memandu di New York Utara (semua daerah kecuali Bandar Raya New York dan Long Island).

Batasan dikenakan di tempat pemandu remaja anda memandu, bukan tempat anda tinggal.

Fasa pelesenan

Terdapat tiga fasa pelesenan bagi pemandu muda:



Melalui ketiga-tiga fasa pelesenan memberi anak remaja anda masa dan pengalaman yang mereka perlukan untuk menjadi pemandu yang lebih selamat.

Ingat: Sepertimana perkara-perkara lain, anda lebih mengenali anak anda. Batasan yang diterangkan dalam panduan ini adalah peraturan keselamatan minimum yang mesti diikuti oleh anak remaja anda. Anda boleh memilih untuk menjadi lebih ketat jika anda merasakan anak anda belum bersedia untuk memikul tanggungjawab tambahan ketika memandu.

FASA 1: PERMIT JUNIOR

Fasa ini ialah fasa pembelajaran. Fasa ini membolehkan pemandu muda mempelajari asas pengendalian kenderaan bermotor melalui pemanduan terbatas.

Untuk memohon permit junior, anak anda mestilah:

- Berumur sekurang-kurangnya 16 tahun.
- Mempunyai bukti pengenalan (cth., pasport, kad keselamatan sosial) dan mesti dibawa semasa ujian.
- Mempelajari Manual Pemandu Negeri New York (salinan bercetak Manual ini boleh didapati di pejabat DMV tempatan manakala versi dalam talian tersedia di http://dmv.ny.gov/driver-license/drivers-manual-practice-tests).
- Melengkapkan permohonan (DMV borang MV-44).
- Lulus ujian bertulis dan ujian penglihatan.

Untuk maklumat lanjut tentang mendapatkan permit junior, ujian, borang dan yuran, lawati laman web NYS DMV di:

http://dmv.ny.gov/driver-license/get-learner-permit

Bantu anak remaja anda berjaya!

Sebelum anak remaja anda mula memandu di jalan raya, bincangkan bersama dan mencipta satu perjanjian pemanduan untuk menentukan tingkah laku pemanduan yang selamat, peraturan dan akibat jika peraturan itu dilanggar. Untuk mendapatkan sampel perjanjian, lawati:

www.safeny.ny.gov/SRO-Toolkit/contract.html

Latihan memandu kini bermula!



Satu-satunya faktor terpenting dalam melahirkan pemandu yang selamat ialah latihan. Sebelum anak remaja anda boleh mengambil ujian jalan raya, mereka mesti melengkapkan **minimum** 50 jam pemanduan diselia yang diperakui oleh ibu bapa, dengan 15 jam daripadanya hendaklah selepas matahari terbenam. Gunakan Log Latihan Pemanduan untuk menjejaki jumlah jam anda dan anak remaja anda telah luangkan untuk memandu bersama. Anda juga mungkin ingin mencatat kemahiran yang telah dilatih, yang telah dikuasai dan yang baru dipelajari. Log sedemikian disediakan pada halaman 25 Panduan Sumber Pemandu Remaja NYS di:

http://www.nxtbook.com/nxtbooks/nysdmv/teenresourceguide/#/30



Batasan Permit Junior
New York Utara

Aktiviti Dibenarkan = ✓ Aktiviti Tidak Dibenarkan = X

	Siang 5am-9pm	Malam 9pm-5am
Pemegang permit junior hanya boleh memandu di bawah penyeliaan	✓ Mesti di bawah penyeliaan pemegang lesen NYS 21+ .	✓ **Mestilah di bawah penyeliaan pemegang lesen NYS 21+ yang merupakan ibu bapa, penjaga, guru pendidikan pemandu/ pengajar sekolah memandu, atau individu yang ditetapkan *dalam loco parentis*[1].**

- Tiada penumpang di tempat duduk hadapan kecuali pemandu penyelia.
- **Dengan ibu bapa/penjaga sebagai pemandu penyelia:** tiada had ke atas bilangan penumpang di tempat duduk belakang. **Jika pemandu penyelia bukan ibu bapa/penjaga (waktu siang sahaja):** hanya seorang penumpang di bawah umur 21 tahun dibenarkan, melainkan penumpang ialah ahli keluarga terdekat.
- Setiap penumpang mesti memakai tali pinggang keledar dan setiap penumpang kanak-kanak mesti menggunakan kerusi keselamatan kanak-kanak yang betul. Untuk maklumat lanjut tentang Undang-undang Kekangan Penumpang NYS, lawati www.safeny.ny.gov/sesa-ndx.htm.
- Bagi pemegang permit untuk memandu di NYC, kenderaan yang digunakan mestilah mempunyai dua kawalan (dua brek). Lihat panduan GDL NYC untuk batasan tambahan. Dilarang memandu di lebuh raya Cross County, Hutchinson River, Saw Mill River atau Taconic State, di mana-mana jalan dalam taman di NYC, di mana-mana jambatan atau terowong di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Jambatan dan Terowong Tri-borough (Tri-borough Bridge and Tunnel Authority).
- Permit junior bagi lesen motosikal: pemandu penyelia mestilah mempunyai lesen memandu yang sah untuk mengendalikan kenderaan dengan kelas yang sama dengan yang dipandu oleh anak remaja anda, dan mestilah menjalankan penyeliaan dan kawalan umum dengan kekal dalam lingkungan satu perempat batu. Tiada penumpang dibenarkan melainkan penumpang itu mempunyai lesen motosikal tidak terbatas yang sah.

Hukuman: denda $75-$300 Penjara: maksimum 15 hari

***dalam loco parentis*[1]** = Individu yang, secara tetap/berpanjangan, bertindak sebagai ibu bapa dan sedang melaksanakan tugas keibubapaan akibat daripada kematian, ketidakupayaan atau ketiadaan ibu bapa kandung.

Untuk masuk ke Fasa 2 (lesen junior), anak remaja anda mesti:

- Memegang permit junior mereka sekurang-kurangnya enam bulan.
- Mengambil kursus pra-pelesenan atau kursus pendidikan pemandu (juga dipanggil “kursus 5 jam”).
- Melengkapkan 50 jam pemanduan diselia yang diperakui oleh ibu bapa, dengan 15 jam daripadanya hendaklah selepas matahari terbenam, sebelum mengambil ujian jalan raya.

  (Log latihan disediakan pada halaman 25 Panduan Sumber Pemandu Remaja NYS di http://www.nxtbook.com/nxtbooks/nysdmv/teenresourceguide/#/30)
- Melengkapkan borang DMV MV-262 Sijil Pemanduan Diselia. http://dmv.ny.gov/forms/mv262.pdf
- Menjadualkan dan mengambil ujian jalan raya.

FASA 2: LESEN JUNIOR

Fasa ini ialah fasa latihan. Fasa ini membolehkan pemandu muda berlatih dan menambah baik kemahiran yang dipelajari semasa fasa permit junior. Keistimewaan tambahan bermula pada ketika ini.

Batasan untuk pemegang lesen junior yang diterangkan dalam panduan ini ialah peraturan keselamatan minimum yang mesti diikuti oleh anak remaja anda. Anda boleh memilih untuk menjadi lebih ketat jika anda merasakan anak remaja anda belum bersedia untuk memikul tanggungjawab tambahan ketika memandu.



Batasan Lesen Junior
New York Utara

Aktiviti Dibenarkan = ✓ Aktiviti Tidak Dibenarkan = X

Pemegang lesen junior boleh memandu tanpa penyeliaan untuk:	**Siang 5am-9pm**	**Malam 9pm-5am, terus ke rumah dan dari rumah:**
Kursus Sekolah[2]	✓	✓
Kerja	✓	✓
Semua aktiviti lain termasuk aktiviti kokurikulum sekolah, sukan dan acara sosial	✓	X

Bagi aktiviti yang dibenarkan, anak remaja anda mesti mempunyai dokumen yang ditandatangani oleh pengajar atau majikan mereka.

Anak remaja anda **tidak** boleh memandu dalam masa bekerja (penghantaran barang, dsb).

Bagi semua aktiviti pada waktu malam, anak remaja anda boleh memandu dengan pemandu penyelia[3].

- **Tanpa pemandu penyelia[3]:** hanya seorang penumpang di bawah 21 tahun dibenarkan, melainkan penumpang itu ialah ahli keluarga terdekat. **Dengan pemandu penyelia [3]**: tiada had bilangan penumpang.
- Setiap penumpang mestilah memakai tali pinggang keledar atau sistem kerusi keselamatan kanak-kanak dengan betul.
- Lesen motosikal junior: pemandu penyelia hanya perlu membuat penyeliaan dan kawalan umum sahaja terhadap pelajar apabila mengendalikan motosikal. Tiada penumpang dibenarkan melainkan penumpang itu memiliki lesen motosikal tidak terbatas yang sah.
- Memandu di NYC, atas apa-apa alasan, adalah dilarang dengan lesen junior. Selain itu, dilarang memandu di mana-mana jalan dalam taman di NYC, di mana-mana jambatan atau terowong di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Jambatan dan Terowong Tri-borough (Tri-borough Bridge and Tunnel Authority), di lebuh raya Cross County, Hutchinson River, Saw Mill River atau Taconic State.

Hukuman: denda $75-$300 Penjara: maksimum 15 hari

Kursus Sekolah[2] = Arahan, pendidikan atau latihan yang dilesenkan atau diluluskan oleh agensi atau jabatan negeri, atau latihan yang dijalankan oleh Angkatan Tentera A.S. Istilah “kursus sekolah” TIDAK termasuk aktiviti kokurikulum, sukan atau acara sosial yang tidak diberikan kredit skolastik.

Pemandu Penyelia[3] = Seorang pemegang lesen NYS 21+ yang merupakan ibu bapa, penjaga, guru pendidikan pemandu/pengajar sekolah memandu, atau seorang individu yang ditetapkan *dalam loco parentis*.

Penggantungan & Pembatalan

Menggunakan mana-mana peranti elektronik semasa memandu adalah menyalahi undang-undang bagi semua pemandu.

Hukuman:

Sabitan pertama bagi kesalahan penggunaan telefon bimbit atau menghantar mesej mengakibatkan penggantungan permit junior selama 120 hari dan penolakan 5 mata.

Sabitan kedua dalam tempoh enam bulan selepas pemulihan permit mengakibatkan pembatalan sekurang-kurangnya setahun bagi satu permit dan penolakan 5 mata.

Di bawah "Undang-undang Toleransi Sifar" NYS, pemandu di bawah umur 21 tahun tidak boleh memandu secara sah dengan kandungan alkohol dalam darah .02 atau lebih tinggi (tahap yang mungkin berlaku daripada penggunaan ubat kumur atau ubat batuk).

Hukuman:

Penggantungan lesen selama 6 bulan, denda sivil $125, dan yuran penamatan penggantungan sebanyak $100.

Setiap kesalahan tambahan akan menyebabkan pembatalan permit junior sekurang-kurangnya satu tahun atau sehingga umur 21 tahun (mana-mana yang lebih lama), ditambah dengan denda sivil $125 dan yuran permohonan semula permit sebanyak $100.



Apakah yang berlaku jika mereka melakukan lebih daripada satu kesalahan berikut?

Permit atau lesen junior anak remaja anda akan digantung selama 60 hari jika mereka disabitkan dengan dua kesalahan yang dibuat semasa mereka memegang permit atau lesen junior.

Lesen mereka juga akan digantung selama 60 hari jika mereka disabitkan dengan satu “kesalahan trafik serius” (lazimnya membawa tiga mata atau lebih), seperti memandu dengan laju atau menghantar mesej semasa memandu. Selepas tempoh penggantungan berakhir, jika pemandu junior anda disabitkan kesalahan dalam tempoh 6 bulan daripada satu kesalahan trafik yang serius atau dua kesalahan lain, permit atau lesen junior mereka akan dibatalkan selama 60 hari.

Jika lesen digantung, anak remaja anda boleh memandu semula sebaik sahaja tempoh penggantungan berakhir. Jika lesen dibatalkan, maka ia tidak boleh dikembalikan, dan anak remaja anda terpaksa bermula sekali lagi dari awal dan memohon lesen selepas 60 hari.

Pantau pemanduan anak remaja anda!

Daftarlah dalam Program TEENS (remaja) dengan NYS DMV – anda akan menerima pemberitahuan apabila kejadian tertentu (saman, sabitan kesalahan trafik, penggantungan lesen memandu dan kemalangan tertentu) ditambah pada rekod pemanduan anak anda.

http://dmv.ny.gov/dmv-records/monitor-my-teen-driver-teens

Anda mengawal kuncinya.



Sebagai ibu bapa atau penjaga yang mempersetujui pengeluaran permit atau lesen junior kepada anak remaja anda, anda berhak membatalkan permit atau lesen junior anak anda jika anda merasakan mereka tidak patut dibenarkan untuk memandu. Lengkapkan borang DMV MV-1W (Penarikan Balik Persetujuan) dan hantarkan kepada DMV.

http://dmv.ny.gov/forms/mv1w.pdf

FASA 3: LESEN TIDAK TERBATAS

Lesen penuh tidak terbatas akan dihantar melalui mel kepada sesiapa yang memegang lesen junior selepas hari lahir ke-18 mereka. Lesen tidak terbatas ialah lesen yang sama seperti yang dimiliki oleh orang dewasa dan membolehkan anak remaja anda memandu di mana-mana sahaja di NYS tanpa batasan masa atau had bilangan penumpang.

Remaja yang telah mengambil kursus pendidikan pemandu:

Anak remaja anda boleh memohon untuk mendapatkan lesen penuh mereka pada umur 17 tahun jika mereka telah menerima Sijil Tamat Pelajar (borang DMV MV-285) daripada kursus pendidikan pemandu yang diluluskan. Sebaik sahaja pemandu anda yang berumur 17 tahun telah lulus ujian jalan raya mereka dan menyerahkan MV-285 kepada DMV, mereka akan diberikan lesen tidak terbatas. Jika anak remaja anda tidak menyerahkan borang MV-285 mereka, mereka masih akan dianggap sebagai pemegang lesen junior dan mesti terus mematuhi batasan GDL.

Pemanduan Selamat Memerlukan Latihan

Memperoleh lesen tidak terbatas tidak menandakan tamatnya pembelajaran memandu. Bertahun-tahun masa diambil sebelum seorang individu itu benar-benar mahir memandu. Remaja sendiri mungkin kenal seseorang di sekolah mereka atau sekolah lain yang telah meninggal dunia atau cedera parah dalam kemalangan. Mereka masih berisiko besar berbanding populasi umum. Galakkan mereka supaya terus belajar dan mengamalkan tingkah laku pemanduan yang selamat.





PERKARA PENTING

PERMIT JUNIOR

- Berlatih, berlatih, berlatih.
- Hanya boleh memandu dengan seorang pemandu penyelia.
- Mesti menunggu sekurang-kurangnya enam bulan sebelum mengambil ujian jalan raya.
- Jika memandu di Bandar Raya New York, kenderaan mestilah mempunyai dua brek.
- Mesti lulus ujian jalan raya untuk menerima lesen junior.
- Lihat halaman 4 untuk butiran lanjut.

LESEN JUNIOR

- Memandu antara waktu 9 malam dan 5 pagi adalah tidak dibenarkan.
- Hanya boleh membawa seorang penumpang di bawah umur 21 tahun sahaja.
- Tidak boleh menggunakan peranti elektronik semasa memandu (terpakai kepada semua pemandu).
- Tidak boleh memandu dalam NYC.
- Lihat halaman 6 untuk butiran lanjut.

Ingat: batasan permit dan lesen junior terpakai di tempat anda memandu, bukan di tempat anda tinggal.





Sekiranya ada soalan tentang penerbitan ini atau untuk memesan salinan, hubungi:

New York State Department of Health
(Jabatan Kesihatan Negeri New York)
Bureau of Occupational Health and Injury Prevention
(Biro Kesihatan Pekerjaan dan Pencegahan Kecederaan)
Telefon: (518) 402-7900
E-mel: injury@health.ny.gov

Untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang Undang-undang Pelesenan Pemandu Graduan, lawati laman web New York State Department of Motor Vehicles (Jabatan Kenderaan Bermotor Negeri New York):

www.dmv.ny.gov/youngerdriver

Dibiayai oleh National Highway Traffic Safety Administration (Pentadbiran Keselamatan Trafik Lebuh Raya Nasional) dengan dana daripada NYS Governor's Traffic Safety Committee (Jawatankuasa Keselamatan Trafik Gabenor NYS).

NEW YORK STATE | Department of Health

8235 (Malay)

5/19